

Fahaman ekstrem ajaran sesat wujudkan golongan pelampau

● Jika kita lihat, modus operandi kebanyakan ajaran sesat ini mempunyai ciri sepunya, iaitu mengangkat seorang pemimpin mempunyai pengaruh dan membuatkan pengikut tertarik dengan personaliti dan kata-katanya

● Selain, tindakan tegas perlu diambil pihak berkuasa agama, masyarakat juga wajar menjadi mata dan telinga sekiranya berasakan ada fahaman atau ajaran salah cuba disebarkan pihak tertentu



Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Undang-Undang, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia

Oleh Dr Mohammad Hariz Shah
 Mohammad Hazim Shah
 bhrencana@bh.com.my

Penegasan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dalam isu akidah umat Islam kerana ia asas agama mesti dipelihara sepanjang masa menyusul selepas tular isu Syarikat Global Ikhwan Sdn Bhd (GISB) didakwa mengeksploitasi agama dan kanak-kanak untuk meminta derma dan menjalankan perniagaan.

Syarikat GISB juga didakwa mempunyai kaitan dengan ajaran sesat Al-Arqam dan Rufaqa. Al-Arqam adalah antara ajaran sesat terawal difatwakan di Selangor dan ajaran kedua difatwakan selepas Fatwa Ajaran Salah (Haji Kahar)

dalam buku Warta Kerajaan Fatwa Ajaran Sesat terbitan Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Pada 5 Ogos 1994, al-Arqam diharamkan Majlis Fatwa Kebangsaan kerana ajarannya dikesan menyeleweng daripada akidah Islam sebenar.

Pada 21 Disember 2006 pula, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor memutuskan dalam fatwa bertajuk 'Usaha-Usaha Menghidupkan Semula al-Arqam Melalui Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn Bhd (SRC) dan Rangkaian Syarikat Gabungan' bahawa syarikat ini dikesan membawa fahaman sama dengan al-Arqam.

SRC ialah cubaan menghidupkan semula ajaran Aurad Muhammadiyah oleh Ummu Jah, iaitu isteri kepada pengasas al-Arqam, Ashaari Muhammad.

Menyoroti keputusan kes Abdul Kahar bin Ahmad lwn Ketua Pendakwa Syarie Negeri Selangor (2016), Abdul Kahar dituduh atas lima kesalahan berkaitan doktrin palsu, dakwaan palsu, menghina atau menyebabkan agama Islam dipandang hina, menghina pihak berkuasa agama Islam dan pendapat bertentangan dengan fatwa.

Tertuduh disabitkan bersalah oleh Mahkamah Tinggi Syariah dan dijatuhkan hukuman 10 tahun penjara, denda RM16,500 dan enam sebatan. Ajaran Haji Kahar atau Rasul Melayu ini difatwakan sesat pada 28 Mac 1991 dan diwartakan pada 29 Ogos 1991 oleh Majlis Fatwa Negeri Selangor.

Fahaman bercanggah ajaran Islam

Mahkamah Syariah turut memerintahkannya dihantar ke Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman bagi mengikuti program pemulihan (istitabah) selama tempoh enam bulan terakhir sebelum hukuman penjara tamat.

Pada Mac tahun ini, masyarakat Islam di negara ini dikejutkan dengan kemunculan satu ajaran sesat menggunakan nama The Ahmadi Religion Peace and Light atau Ahmadi Agama Keamanan dan Cahaya.

Ia dikepalai seorang individu mengaku dirinya sebagai Imam al-Mahdi dengan menggunakan gelaran Abdullah Hashem Aba al-Sadiq, manakala pendeta mereka di negara ini dan Indonesia pula ialah Kashfullah Amaluddin.

Ajaran ini aktif di pelbagai saluran media sosial, malah lebih popular melalui penstriman

langsung di platform TikTok mempunyai lebih 30,000 pengikut dan jumlah penonton ramai. Falsafah dan konsep ajaran ini jelas mengandungi banyak percanggahan dengan Islam dan bersifat pluralisme agama.

Mengambil ibrah daripada kultus ajaran sesat di luar negara, iaitu *The Peoples Temple* pimpinan Jim Jones, berpangkalan di sebuah ladang luas Jonestown di Guyana, terletak di Amerika Selatan dijadikan satu bandar khas untuk pengasas dan pengikutnya.

Di sini, pengikut kultus itu kononnya dijamin bebas daripada cengkaman kapitalis, penindasan kaum dan ketidakseimbangan ekonomi dengan melakukan aktiviti sendiri seperti menternak, bercucuk tanam serta pendidikan.

Sebuah bandar ideal dianggap Jones sebagai syurga akhirnya bertukar menjadi neraka kepada pengikutnya kerana mereka dikerah dan dipaksa menjadi hamba abdi.

Tiada sesiapa dibenarkan keluar dari kawasan itu bahkan sesiapa cuba berbuat demikian akan ditembak mati dan dianggap sebagai pembelot.

Akhirnya, 918 pengikutnya mati selepas meminum jus anggur dicampur racun sianida selepas Jones memilih cara membunuh diri bagi mengelakkan ditangkap selepas kegiatan kejinya tersebar.

Ini juga membawa kita kepada kes ajaran Ayah Pin menggegarkan negara suatu masa dahulu. Ayah Pin menyifatkan dirinya sebagai 'Tuhan' semua agama dan mendakwa menerima wahyu dari langit untuk mengembangkan ajarannya di muka bumi.

Pada Disember 1997, Jabatan Agama Islam Terengganu mengisytiharkan ajaran ini palsu, sesat dan menyeleweng. Akhirnya, perkampungan Kerajaan Langit dirobuhkan pada 2005 yang menjadi paparan dada akhbar waktu itu.

Tentu tiada siapa dapat melupakan monumen dan replika ikonik seperti pasu biru serta teko gergasi yang mempunyai simbolik tertentu ajaran berkenaan.

Jika kita lihat, modus operandi kebanyakan ajaran sesat ini mempunyai ciri sepunya, iaitu mengangkat seorang pemimpin mempunyai pengaruh dan membuatkan pengikut tertarik dengan personaliti dan kata-katanya.

Ajaran itu juga memperjuangkan sesuatu dekat dengan masyarakat seperti agama, kaum dan ekonomi, sekali gus mendakyahkan kononnya

mereka ditindas kezaliman pemerintah, mempunyai markas atau perkampungan untuk pengikut dan menjalankan perniagaan sendiri.

Guna media sosial rekrut pengikut

Semakin maju dan moden dunia, ajaran sesat juga semakin berevolusi mengikut peredaran semasa. Media sosial digunakan sebaik-baiknya untuk merekrut pengikut baharu di samping amalan tradisional seperti penyebaran fahaman dan ideologi songsang ini sedari kecil lagi dalam kalangan pengikut dan ahli keluarga.

Minda pengikut 'dibasuh' hingga tidak dapat membezakan antara hak dengan batil sehingga wujudnya kelompok ghuluw, iaitu melampau.

Golongan ghuluw ini menerapkan kefahaman ekstrem dalam memahami dan mengambil sesuatu tindakan. Ghuluw dalam beragama adalah sikap melampau batas dalam perintah agama.

Dalam hal ini, Islam ialah agama pertengahan (wasatiyyah) menyaranakan umatnya senantiasa berada pada jalan lurus dan tidak berlebih-lebih. Islam menganjurkan kita supaya bersederhana dalam semua perkara, baik dalam hal agama mahupun kehidupan secara keseluruhannya.

Allah SWT berfirman dalam surah an-Nisa' ayat 171: "*Janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar.*"

Keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) bersidang pada 5 Mei 1996 menetapkan umat Islam di negara ini hendaklah hanya mengikut ajaran Islam berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) dari segi akidah, syariah dan akhlak.

Ajaran sesat seperti Qadiani, SiHulk dan Millah Abraham akan muncul lagi. Selain, tindakan tegas perlu diambil pihak berkuasa agama, masyarakat juga wajar menjadi mata dan telinga sekiranya berasakan ada fahaman atau ajaran salah cuba disebarkan pihak tertentu.

Melalui aduan masyarakat, siasatan terperinci akan dilakukan sebelum pihak bersalah dibawa ke muka pengadilan. Usaha membanteras ajaran sesat ini perlu membabitkan semua pihak kerana setiap daripada kita diseru untuk mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran bertepatan konsep amar makruf nahi mungkar yang juga tuntutan utama dalam ajaran Islam.

